


Seladang yang Lupa Diri





© Blue-T Publication Sdn. Bhd.

Cerita asal & Ilustrasi: Johnny Rinaldi, A. Wahyu L.B.
Olahan: Saadah Taib
Editor: Nurhafiza Hamzah, Haider Yutim, Siti Sarah Othman.
Rekabentuk Kulit: Azhar Abdullah
Rekabentuk Grafik: Tan Peng Peng

Cetakan April 2007

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan apa jua cara pun, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain tanpa izin bertulis daripada

Blue-T Publication Sdn. Bhd. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Diterbitkan oleh:

Blue-T Publication Sdn. Bhd. (643137-A)
12, Jalan 3/4C, Desa Melawati,
53100 Kuala Lumpur.
Tel: 03-4149 4119 / 016-202 7002 / 016-202 7004
Faks: 03-4149 1117

Di sebuah kawasan padang rumput yang luas, tinggallah sekumpulan seladang yang hidup aman dan damai. Ada seladang jantan, seladang betina dan anak-anak seladang. Salah satunya iaitu Baba, merupakan seekor anak seladang yang **periang** dan **nakal**.

Bapanya merupakan ketua kepada kumpulan seladang itu. Baba baru sahaja dilahirkan dan masih lagi menyusu dengan ibunya. Ia tidak pernah berpisah dengan ibunya. Baba takut apabila ada haiwan lain yang menghampirinya. Apabila bersama ibunya, Baba selalu berasa **selamat**.



2



Selang beberapa lama kemudian, Baba sudah tidak menyusu lagi. Ia mula belajar makan tumbuh-tumbuhan yang biasa dimakan oleh seladang lain. Baba juga mula **bermain** di padang rumput bersama haiwan lain yang juga tinggal di situ.

Baba mempunyai kawan, seekor anak rusa bernama Raru. Setiap hari Baba bermain bersama Raru. Mereka berkejar-kejaran di padang rumput yang luas itu. Meskipun berbeza jenis, namun mereka berdua **senang berkawan**.

3



Petang itu, seperti biasa Baba dan Raru **bermain-main** di padang rumput. Tiba-tiba, mereka terpandang ke arah sebuah bukit. Di sana berdiri seladang jantan yang besar dan gagah. Ia adalah ketua kumpulan seladang iaitu bapa kepada Baba. Ia berdiri mengawasi kumpulannya dan keadaan sekitar padang rumput. Raru memerhatikan bapa Baba dengan rasa

KAGUM

“Wah, gagah betul bapamu, Baba!” ujar Raru.

“Ya, bapaku memang **gagah**. Itu sebabnya ia jadi ketua.”

Nanti aku mahu menjadi sepertinya, sebagai ketua yang **disegani**,” sambung Baba sambil memasang angan-angan.



Hari terus berlalu. Baba semakin membesar menjadi seekor anak seladang

yang **gagah**. Badannya besar hampir menyamai bapanya. Otot-ototnya

kuat. Tanduk Baba kukuh menghiasi kepalanya. Begitu

pula dengan Raru yang juga memiliki tanduk yang **indah**. Cuma tubuh Raru lebih kecil berbanding tubuh Baba.

Kelebihan yang ada pada dirinya membuat Baba mulai **SOMBONG**.

Ia berasa dia adalah haiwan yang paling **gagah** di padang rumput itu. Kadang-kadang, ia menyindir Raru yang bertubuh kecil daripadanya. Tetapi, Raru tidak pernah tersinggung.

"Tubuh yang besar tak bermakna engkau yang terbaik," kata Raru apabila setiap kali Baba menunjukkan tubuhnya yang besar. Meskipun demikian, kedua-duanya tetap **berkawan**.



Pada suatu hari, Baba, Raru dan kawan-kawan mereka yang lain sedang asyik menikmati rumput segar. Tanpa mereka sedari, ada seekor Harimau yang sedang asyik mengintai mereka dari balik semak.

Sang Harimau memerhatikan keadaan di sekelilingnya. Ia mencari masa yang tepat untuk **menerkam** ke arah salah satu di antara mereka. Pandangannya menghala kepada Raru. Raru **begitu leka** sehingga tidak menyedari kedatangan Sang Harimau. Raru berasa **selamat** kerana tahu Baba ada berdekatan dengannya. Dengan penuh **berhati-hati** Sang Harimau mendekati Raru.



"AuuumM!"

Sang Harimau **menerkam** ke arah Raru.
Raru yang bertubuh kecil jatuh tersungkur ke tanah.

"Tolooong!"

jerit Raru. Baba yang berada tidak jauh daripada Raru tersentak mendengar teriakan Raru, kawannya. Baba melihat Sang Harimau sedang mencengkam tenguk Raru.

"Baba, tolong aku!"

teriak Raru yang terus meronta untuk melepaskan dirinya daripada cengkaman Sang Harimau.



Dengan pantas Baba menerjah ke arah Harimau. Ditanduknya tubuh Sang Harimau sehingga melayang ke udara. Harimau terpelanting jauh dan **terhempas** ke tanah.

Brukk! Akhirnya, Raru terlepas daripada **cengkaman** Sang Harimau. Namun, ia masih terlalu lemah untuk bergerak. Harimau yang kesakitan berusaha untuk bangun. Baba bersiap sedia untuk menyerang lagi. Ia **MENDENGUS** dan kukunya mengais-ngais ke tanah.

Harimau cuba untuk menyerang Baba tetapi apabila melihat Baba yang bengis, Harimau mengubah niatnya. Sang harimau akhirnya lari lintang pukang meninggalkan kawasan padang rumput itu.




Kejayaan Baba menumpaskan Harimau menjadi perbualan di kalangan kelompok haiwan padang rumput. Baba berdiri megah membusungkan dada. Ia berasa bangga kerana berjaya mengalahkan Harimau.

"HIDUP BABA YANG PERKASA! HIDUP BABA!"

Dengan sanjungan itu, Baba semakin bongkak dan sompong. Bahkan ketika Raru mengucapkan terima kasih, dengan bengis, Baba mengusir Raru.

"Sudahlah!" Engkau memang lemah. Diri sendiri pun tak mampu nak jaga!" sindir Baba. Mendengar ucapan Baba, Raru berasa sedih. Kejayaan Baba mengalahkan Harimau menjadikan Raru kehilangan sahabat baiknya.



Kerana kejayaannya itu juga, Baba telah dilantik sebagai ketua kumpulan seladang yang baru untuk menggantikan bapanya yang sudah tua. **KESOMBONGANNYA** semakin menjadi-jadi. Baba berasa dia lah haiwan yang paling kuat di kawasan padang rumput itu.



Kini, Baba menjadi haiwan yang dikenali. Namun, bukan kerana **KEBERANIANNYA** bertarung dengan Sang Harimau, tetapi oleh **KEANGKUHAN** dan **KESOMBONGANNYA**.

"Sekarang akulah haiwan yang terkuat di daerah ini. Kamu semua mestilah hormat dan tunduk kepadaku," kata Baba pada suatu hari. Ia ingin selalu **disanjungi**. Bahkan, Raru sendiri harus **hormat** padanya. Haiwan-haiwan lain sudah mula tidak menyenangi Baba dan tidak ingin mendekatinya lagi. Walaupun Baba mengetahui perkara itu, ia masih tidak mahu berubah. Baba semakin **SOMBONG** dan **BONGKAK**.

"**Huh**, haiwan lemah! Belum tahu siapa aku!" katanya dalam hati.





Raru berasa **Kecewa** dengan sikap Baba itu. Ia berniat mahu menyedarkan kawannya itu. Namun ia tidak tahu bagaimana caranya. Lagi pun, ia juga sudah tidak rapat lagi dengan Baba.

Pada suatu hari, dalam perjalanan mencari air, Raru ternampak Lebi, Sang Lebah. Ia melihat Lebi terbang ke sepohon pokok. Pada pokok itu tergantung sebuah sarang lebah. Raru berhenti sebentar memerhatikan kawan-kawan Lebi yang keluar masuk sarang. Raru mendapat satu akal.

Hmm... Aku tahu bagaimana caranya nak menyedarkan Baba," kata Raru dalam hati.





Raru membatalkan niatnya untuk pergi ke sungai. Ia kembali ke padang rumput untuk berjumpa dengan Baba.

"Kenapa engkau datang ke mari? Aku tak ada masa nak layan haiwan lemah sepertimul!" ujar Baba dengan **ANGKUH**. Raru cuba **bersabar** dengan sikap Baba.

"Wahai sahabatku Baba yang perkasa. Aku tahu kau adalah haiwan paling **kuat** yang pernah aku kenal," sanjung Raru.

"Aku bukanlah tandinganmu, bahkan Harimau yang **buas** pun mampu kau kalahkan. Namun, tahukah engkau bahawa ada haiwan lain yang lebih kuat daripadamu?" kata Raru.

"Apa kau kata? Tunjukkan padaku siapa yang boleh mengalahkanku!" jawab Baba **GERAM**.

"Pergilah kau ke pokok asam di tengah hutan. Di situ lah haiwan itu tinggal," kata Raru.





Tanpa berfikir panjang, Baba terus pergi ke tempat itu.

"Grrr!" Akan kutunjukkan siapa sebenarnya yang lebih kuat di hutan ini," kata Baba dalam hati. Tiba di tempat itu, Baba tertanya-tanya kerana ia tidak nampak sesiapa pun di situ. Ia melihat ke arah pokok asam. Apa yang dilihat hanyalah sekumpulan lebah-lebah kecil yang keluar masuk sarang.

"**Hmm**, itukah yang dimaksudkan Raru? Haiwan sekecil itu mana mungkin boleh mengalahkanku?" fikir Baba.

Ia menghampiri sarang lebah itu. Diperhatikannya lebah-lebah kecil yang berterbangan.

Seekor lebah terbang mengelilingitubuh Baba. Baba terasa **RIMAS**. Baba mengusir lebah-lebah itu dengan melibaskan ekornya. Sang Lebah yang terkena libasan ekor Baba menjadi marah. Lantas, lebah itu terus menyengat Baba.





"Aduh! Aduh!" Baba mengerang kesakitan. Ia mengusap-usap tubuhnya yang terkena sengatan.

"Grrr!" Berani kau menyengatku! Kau tak tau aku siapa lagi!" teriak Baba yang semakin geram.

"Nah, rasakan!" Baba menanduk sarang lebah yang tergantung di dahan pokok asam itu.

Dung!! Sarang lebah itu pun terpelanting ke udara. Ribuan lebah yang berada di dalam sarang terkejut dan berhamburan keluar dari sarang.

Mereka **MENDENGUNG KEMARAHAN** kerana sarang mereka telah dirosakkan oleh Baba.

Melihat ribuan lebah yang terbang ke arahnya, Baba menjadi **CEMAS** dan **ketakutan**.





Lebah-lebah itu mula menyerang Baba.

"Aduh!" Babamenjerit kesakitan. Ia mengibas-ngibaskan ekornya untuk menghalau lebah. Baba terlompat-lompat cuba mengelakkan dirinya daripada disengat lebah.

"Tolong!" jerit Baba sambil berlari. Namun, lebah-lebah itu tetap mengejarnya. Baba bergegas mencari sungai. Apabila sampai ke tepi sungai Baba terus terjun ke dalamnya.





Apabila keadaan telah kembali tenang, Baba pun keluar dari dalam sungai. Tubuh Baba bengkak-bengkak akibat sengatan lebah. Tidak lama kemudian, Raru pun sampai. Timbul rasa kasihan di hati Raru tatkala melihat Baba yang sedang menahan **Kesakitan**. Tetapi, dia ingin agar Baba belajar sesuatu daripada apa yang berlaku.

"Betul tak kataku? Memang ada haiwan lain yang lebih kuat daripadamu," kata Raru.

"Betul katamu Raru. Maafkan atas **KESOMBONGANKU** selama ini. Aku terlalu bangga dengan diriku," jawab Baba kesal. Raru menjadi hiba melihat tubuh Baba yang bengkak-bengkak itu.

"Ini adalah pengajaran buatmu dan aku juga. Apabila kita berada di tempat tinggi janganlah sampai kita lupa pada rumput di bumi. Ikatlah seperti resmi padi yang makin berisi makin menunduk. Kalau pun kita kuat, bukannya untuk menindas, tetapi untuk melindungi yang lemah," kata Raru memberi **nasihat**.





Sejak kejadian itu, Baba mula berubah. Ia tidak lagi **SOMBONG**. Baba kembali berkawan dengan Raru dan haiwan-haiwan lain.

Ya, memang betul kata Raru. Adalah lebih baik jika kekuatan yang ada digunakan untuk melindungi yang **lemah**. Raru berasa lega. Pengajaran ini telah membuat Baba sedar akan **kesilapannya** selama ini.



Miliki semua Koleksi Buku Alam Haiwan

